



# POLISI TIADA HADIAH

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA



# ISI KANDUNGAN

- 1** **KENYATAAN POLISI TIADA HADIAH JPN**
- 2** **LATAR BELAKANG**
- 2** **TUJUAN**
- 3** **DEFINISI**
- 4** **SKOP**
- 4** **LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**
- 5** **PENERIMAAN BERDIPLOMASI**
- 6** **PENGECUALIAN TERHADAP POLISI TIADA HADIAH**
- 7** **TINDAKAN / PENALTI**
- 7** **TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TERTINGGI DAN KETUA JABATAN**
- 8** **PENUTUP**

# KENYATAAN POLISI TIADA HADIAH JPN

JPN komited untuk mengamalkan Tadbir Urus Baik (Good Governance) dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Polisi Tiada Hadiah JPN adalah seiring dengan hasrat Jabatan dan kerajaan dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam.

Polisi ini perlu dipatuhi oleh semua warga kerja JPN serta pihak-pihak luar yang menjalankan sebarang urusan rasmi dengan Jabatan ini.

Pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah adalah berkuatkuasa serta merta yang mana:

Warga JPN tidak dibenarkan menerima sebarang hadiah yang bersifat peribadi daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan atau urusan rasmi dengan JPN.

Warga JPN tidak dibenarkan memberi apa-apa hadiah yang berbentuk peribadi kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan atau urusan rasmi dengan JPN.

Walau bagaimanapun hadiah dalam bentuk cenderahati korporat yang bukan bersifat peribadi kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan atau urusan rasmi yang sah adalah dibenarkan tertakluk kepada pengecualian yang dibenarkan.

Polisi ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang konflik kepentingan peribadi atau wujud sebarang persepsi berkaitan konflik kepentingan peribadi yang melibatkan warga JPN dan mana-mana pihak dalam sebarang urusan rasmi di masa akan datang.



DATO' RUSLIN BIN JUSOH  
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

# LATAR BELAKANG

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008, telah memperuntukkan keperluan tentang kawalan berhubung penerimaan dan pemberian hadiah di kalangan kakitangan awam termasuklah JPN.

# TUJUAN

Selain dari itu, JPN juga telah menggubal Polisi Tiada Hadiah bagi menangani pemberian-pemberian bentuk baru yang tidak dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 yang melibatkan pemberian dari kontraktor, vendor dan pembekal.

Sebagai rujukan dan makluman mengenai Polisi Tiada Hadiah di kalangan pegawai dan kakitangan JPN dan pihak-pihak yang berurusan dengan JPN.

Meningkatkan integriti di kalangan pegawai dan kakitangan JPN dan seterusnya meningkatkan imej JPN.

Polisi ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang konflik kepentingan peribadi atau wujud sebarang persepsi berkaitan konflik kepentingan peribadi yang melibatkan warga JPN dan mana-mana pihak dalam sebarang urusan rasmi di masa akan datang.

# **DEFINISI**

## **HADIAH TERMASUKLAH :**

- Wang tunai
- Harta alih dan harta tak alih
- Kenderaan / aksesori
- Tambang percuma
- Saham
- Tiket loteri
- Kemudahan perjalanan
- Hiburan
- Perkhidmatan dan keahlian kelab mewah berprestij, pusat-pusat keahlian kehormat serta sebarang bentuk diskau / komisen
- Hamper, barang kemas, perhiasan atau barang lain
- Sebarang pemberian cenderamata atau benda lain yang bernilai

## **TAJAAN / SUMBANGAN / DERMA / ELAUN :**

Merujuk kepada sebarang sumbangan atau pemberian yang diterima dari pihak lain semasa pihak swasta / korporat yang diberikan untuk menjayakan projek atau program rasmi JPN.

## **ORANG-ORANG LAIN**

Merujuk kepada :

- Pasangan;
- Ibubapa kandung dan ibubapa mertua;
- Anak-anak termasuk anak angkat yang sah; dan
- Mana-mana orang lain bagi pihaknya.

## **JABATAN KERAJAAN**

Jabatan kerajaan termasuklah mana-mana Kementerian, Jabatan Persekutuan atau Negeri, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, pihak Berkuasa Tempatan serta badan-badan berkanun.

# SKOP

Garis panduan ini adalah terpakai oleh semua warga JPN di sepanjang tempoh perkhidmatannya dan termasuk pihak-pihak yang berurusan dengan kakitangan JPN.



## LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

Kakitangan JPN dilarang daripada menerima apa-apa hadiah serta sumbangan daripada kontraktor, vendor, pembekal, rakan niaga sekiranya berkaitan dengan pelaksanaan tugas rasminya atau bentuk, amaan atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi. Peraturan yang melarang kakitangan JPN menerima dan memberi hadiah adalah di bawah **Peraturan 8 (1) (a) dan (b) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, (P.U(A)395/1993) Lampiran 34B dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (Lampiran 34A).**

# PENERIMAAN BERDIPLOMASI

Dalam keadaan di mana pengurusan tertinggi atau warga JPN terpaksa menerima hadiah atas dasar budaya tertentu atau situasi di mana pemberian hadiah merupakan sebahagian daripada etika perniagaan atau bagi mengelak daripada mengaibkan pihak pemberi atau boleh menyebabkan hubungan diplomasi terjejas antara kedua-dua pihak, maka dalam keadaan-keadaan tersebut penerimaan hadiah hendaklah direkodkan dalam buku daftar penerimaan hadiah melalui borang tertentu untuk dikemukakan kepada Ketua Jabatan, yang kemudiannya akan membuat keputusan samada untuk meluluskan penerimaan tersebut atau mengarahkan untuk memulangkannya.

Dalam keadaan di mana penolakan hadiah boleh dilihat sebagai tidak menghormati pihak luar, namun sekiranya terdapat situasi konflik kepentingan adalah jelas bahawa Ketua Jabatan tidak boleh meluluskan penerimaan hadiah tersebut. Dalam situasi ini, hadiah tersebut hendaklah dipulangkan secara sopan dengan menjelaskan mengenai Polisi Tiada Hadiah JPN.

(Rujuk Silang Perkara 9 Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 1998)

Manakala dalam keadaan Ketua Jabatan meluluskan penerimaan hadiah tersebut, Ketua Jabatan hendaklah memastikan samada :

- Mendermakan hadiah tersebut kepada badan amal;
- Menyimpannya untuk pameran di pejabat; atau
- Berkongsi sesama warga Jabatan; atau
- Mbenarkan pegawai yang menerima menyimpannya.

# PENGECUALIAN TERHADAP POLISI TIADA HADIAH

Terdapat beberapa pengecualian terhadap peraturan am tersebut di mana penerimaan adalah dibenarkan sebagaimana situasi-situasi berikut :

Pertukaran hadiah adalah antara JPN dan jabatan lain (hadiah yang ditukar di antara jabatan sebagai sebahagian daripada lawatan rasmi/ kunjungan hormat yang mana hadiah itu kemudian dikategorikan sebagai harta jabatan);

Hadiah daripada JPN kepada institusi luar atau individu-individu berkaitan fungsi rasmi Jabatan, majlis-majlis dan keraian (cenderahati, cenderamata yang diberikan kepada semua tetamu yang menghadiri majlis tersebut);

Hadiah daripada JPN kepada warga dan pengarah dan/atau ahli keluarga mereka sebagai pengiktirafan terhadap khidmat warga-warga/ pengarah-pengarah;

Hadiah token yang bernilai nominal biasanya mempunyai logo JPN seperti kemeja-T, diari, pen dan lain-lain barang promosi) yang diberikan secara saksama kepada orang awam, delegasi, pelanggan, rakan niaga dan pemegang taruh utama yang menghadiri majlis-majlis seperti persidangan, pameran, latihan dan lain-lain; dan

Hadiah kepada pihak luaran yang tidak mempunyai transaksi urusniaga dengan JPN (hadiah kewangan atau hadiah seumpamanya kepada badan amal)

# TINDAKAN / PENALTI

Mana-mana pegawai dan kakitangan yang ingkar atau gagal mematuhi Polisi Tiada Hadiah ini boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Mana-mana kontraktor, vendor dan pembekal atau individu yang didapati dan dibuktikan telah melanggar polisi ini akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan.

# TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TERTINGGI DAN KETUA JABATAN

Memastikan semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di JPN mematuhi Polisi Tiada Hadiah.

Memastikan pihak-pihak yang berurusan dengan JPN mengetahui dan mematuhi Polisi Tiada Hadiah JPN.

Ketua Jabatan boleh meminta pegawai dan kakitangan JPN memberi penjelasan sekiranya meragui apa-apa hadiah yang diterima.

Ketua Jabatan juga hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa tatatertib atau mana-mana pihak berkuasa lain, sekiranya terdapat pelanggaran terhadap peraturan atau undang-undang berkaitan Polisi Tiada Hadiah oleh kakitangan JPN

# PENUTUP

Pemberian dan penerimaan hadiah tidak boleh diambil mudah kerana ia boleh memberikan persepsi negatif dan mencemarkan imej individu dan Jabatan.

Garis panduan ini hendaklah diterapkan sebagai amalan bagi mewujudkan satu budaya kerja yang professional, berintegriti dan telus di kalangan warga JPN. Ketidakpatuhan kepada ketetapan tersebut boleh menjurus kepada kesalahan jenayah atau pelanggaran tatatertib.

Pemberian dan penerimaan hadiah oleh warga JPN perlu mengikut ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Diharap garis panduan ini akan menjadi rujukan dan panduan yang efektif dan berkesan ke arah meningkatkan integriti di kalangan warga JPN. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan pekeliling atau arahan yang berkaitan dari masa ke semasa.

# RUJUKAN

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993/P.U.(A)  
395/1993  
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)  
Pekelliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998  
Pekelliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008

# MAKLUMKAN KEPADA



**SURAT:**  
Unit Integriti,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
No 20, Persiaran Perdana,  
Presint 2, 62551 WP Putrajaya.



**EMAIL:**  
[aduanintegriti@jpn.gov.my](mailto:aduanintegriti@jpn.gov.my)



**HOTLINE:**  
03 8880 7700 / 03 8880 7733

A stack of wrapped gifts, primarily in dark brown or black paper, tied with shiny red ribbons and bows. The gifts are arranged diagonally across the frame.

**POLISI TIADA HADIAH**

Jabatan Pendaftaran Negara





## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Wilayah Persekutuan Putrajaya,  
Malaysia